



## PEMBERITAHUAN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan **Kajian Kepuasan Pengguna – Perkhidmatan Kurier (Individu dan Perniagaan)** bagi tujuan pengumpulan data berkaitan pengalaman dan kepuasan pengguna terhadap servis yang diberikan oleh syarikat perkhidmatan kurier.

Soal selidik ini akan bermula dari 23 November 2021 sehingga 31 March 2022 atau sehingga kuota sampel selesai, yang mana lebih awal. Pungutan data akan dijalankan setiap hari, kecuali hari kelepasan am negara dan negeri.

Soal selidik ini akan dijalankan melalui sistem dalam talian MCMC yang selamat. Bagi **pengguna individu**, responden yang terpilih akan menerima **pautan soal selidik melalui sistem pesanan ringkas (SMS) melalui nombor telefon berikut:**

- i. **017-7286262**
- ii. **017-3646262**

Manakala bagi pengguna perniagaan, organisasi terpilih akan menerima **pautan soal selidik melalui e-mel [onlinesurvey1@mcmc.gov.my](mailto:onlinesurvey1@mcmc.gov.my)** dari MCMC.

Responden dinasihatkan untuk **TIDAK** menjawab sebarang jemputan soal selidik selain daripada nombor telefon dan alamat e-mel di atas.








Adalah dimaklumkan bahawa tujuan soal selidik ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada sebarang data peribadi seperti nama penuh atau maklumat bank akan dikutip. Selain itu, tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan.

Penyertaan bagi soal selidik ini adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, kerjasama daripada responden adalah sangat dihargai. Sebarang penamatan atau pelanjutan tempoh soal selidik akan diumumkan melalui laman sesawang MCMC: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
**(u.p: Jabatan Statistik dan Risikan Data)**

Tel: +603 8688 8000 Fax: +603 8688 1000  
E-mel: [skmm.cati@mcmc.gov.my](mailto:skmm.cati@mcmc.gov.my)

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**

GARIS PANDUAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SOAL SELIDIK		
CARA JEMPUTAN	PELANGGAN INDIVIDU	PELANGGAN PERNIAGAAN
	Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	E-mel
<p><b>LANGKAH 1</b></p>  <p>Responden yang terpilih akan menerima jemputan soal selidik dari MCMC</p>	<p>Salam sejahtera.</p> <p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), sebuah agensi kerajaan sedang menjalankan soal selidik berkaitan pengalaman dan kepuasan pengguna terhadap servis yang diberikan oleh syarikat perkhidmatan kurier. Pemberitahuan mengenai soal selidik ini telah disiarkan di laman sesawang MCMC dan Penyedia Perkhidmatan.</p> <p>Anda telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Responden boleh menjawab soal selidik ini dengan melayari pautan atau imbas kod QR di bawah:</p> <p>Pelanggan Individu: <a href="#">Link</a> Kod QR:</p> 	<p>Salam sejahtera.</p> <p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), sebuah agensi kerajaan sedang menjalankan soal selidik berkaitan pengalaman dan kepuasan pengguna terhadap servis yang diberikan oleh syarikat perkhidmatan kurier. Pemberitahuan mengenai soal selidik ini telah disiarkan di laman sesawang MCMC dan Penyedia Perkhidmatan.</p> <p>Anda telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Responden boleh menjawab soal selidik ini dengan melayari pautan atau imbas kod QR dibawah:</p> <p>Pelanggan perniagaan: <a href="#">Link</a> Kod QR:</p> 
<p><b>LANGKAH 2</b></p>  <p>Responden akan diarahkan ke portal selamat MCMC untuk melengkapkan soal selidik</p>	 <p>KAJIAN KEPUASAN PENGGUNA (PERKHIDMATAN KURIER) 2021 -INDIVIDU</p> <p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan Kajian Kepuasan Pengguna bagi perkhidmatan kurier. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami dan mengukur tahap kepuasan pengguna bagi individu yang menggunakan perkhidmatan kurier. Pemberitahuan mengenai soal selidik ini telah disiarkan di laman sesawang MCMC dan pembekal perkhidmatan kurier.</p> <p>Anda telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Soal selidik ini mengambil masa 15 minit dan anda dikehendaki menjawab beberapa soalan mudah. Kami tidak menjual apa-apa barangan atau mengutip wang. Untuk makluman, butiran peribadi anda akan <b>DIRAHSIKAN</b> dan hanya digunakan untuk tujuan soal selidik ini sahaja.</p>	 <p>KAJIAN KEPUASAN PENGGUNA (PERKHIDMATAN KURIER) 2021 - PERNIAGAAN</p> <p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan Kajian Kepuasan Pengguna bagi perkhidmatan kurier. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami dan mengukur tahap kepuasan pengguna bagi syarikat yang menggunakan perkhidmatan kurier. Pemberitahuan mengenai soal selidik ini telah disiarkan di laman sesawang MCMC dan pembekal perkhidmatan kurier.</p> <p>Syarikat anda telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Soal selidik ini mengambil masa 15 minit dan anda dikehendaki menjawab beberapa soalan mudah. Kami tidak menjual apa-apa barangan atau mengutip wang. Untuk makluman, butiran peribadi anda akan <b>DIRAHSIKAN</b> dan hanya digunakan untuk tujuan soal selidik ini sahaja.</p>
<p><b>LANGKAH 3</b></p>  <p>Tekan butang "HANTAR" untuk menghantar soal selidik yang telah dilengkapkan</p>	<p>Terima kasih atas kerjasama anda. Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai soal selidik ini, anda boleh menghubungi talian tol bebas kami di 1-800-188-030. Terima kasih.</p> <p>Powered by Verint survey software</p>	